

IKLAN PROMOSI JUDI ADALAH PERBUATAN MENGGALAKKAN DOSA BESAR DI KALANGAN UMAT ISLAM

Pendahuluan

Firman Allah Taala dalam surah al-Ma'idah ayat 90 & 91 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ
فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾ إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ
فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ﴿٩١﴾

'Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah semuanya kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya (90) Sesungguhnya syaitan itu, hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab araka dan judi dan mahu memalingkan kamu dari mengingat Allah dan daripada mengerjakan solah. Oleh itu mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil?) (91)

Ayat ini secara jelas dan lantang menegaskan pengharaman arak dan judi serentak dengan larangan menyembah berhala dan mengundi nasib dengan anak panah untuk membayangkan dosa arak dan judi sehingga dilarang bersama dengan dosa syirik itu sendiri.

Menurut ahli Tafsir *Fakhruddin ar-Razi* pengarang kitab *Mafatih al-Ghaib* menerangkan bahawa dosa dan keburukan judi adalah ia boleh membawa kepada permusuhan, mengutuk-ngutuk dan pertelingkahan serta merupakan suatu bentuk mengambil harta orang lain secara batil, di samping memalingkan dan melalaikan manusia dari mengingat Allah dan mengerjakan solat.

Judi Jelas Diharamkan Dalam Islam

Judi adalah suatu perkara yang jelas telah diharamkan oleh Islam. Bentuk-bentuk judi adalah pelbagai dan umat Islam perlu berhati-hati supaya tidak terjebak dengan perangkap judi kerana kadang-kadang terkeliru dengan nama yang digunakan seperti peraduan, pertandingan atau sukan. Secara umum setiap permainan yang mengandungi unsur pertaruhan adalah judi dan dilarang.

Iklan Promosi Judi Oleh Pelakon Muslim

Ketika umat Islam di negara ini dan negara-negara Islam yang lain sedang berpuasa, kita dikejutkan dengan iklan promosi judi di laman-laman sosial. Adalah satu tindakan menghina agama Islam secara terang-terangan dengan pembikinan iklan promosi tersebut dilakukan pada bulan Ramadhan yang begitu mulia kedudukannya di sisi umat Islam. Tambahan pula iklan tersebut dilakonkan sendiri oleh pelakon beragama Islam dalam suasana sambutan hari raya. Menjadi tanggungjawab kepada semua individu dan mana-mana syarikat untuk menjaga sensitiviti mana-mana kaum di negara ini termasuklah umat Islam yang merupakan masyarakat majoriti di negara ini.

Hargai Inisiatif PDRM Dan SKMM

Jabatan ini amat berbesar hati dan menghargai usaha inisiatif Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) yang bertindak pantas menyekat penularan iklan tersebut serta menahan individu-individu yang terlibat.

Kewajipan Mendapatkan Sumber Rezeki Yang Halal

Menjadi kewajipan kepada umat Islam termasuk para pelakon Muslim untuk memperolehi pendapatan daripada sumber yang halal. Sumber pendapatan yang diperolehi daripada sumber yang tidak halal hendaklah dijauhi dan dihindarkan. Menjadi tanggungjawab kepada setiap selebriti Muslim untuk memperhalusi terma-terma dalam kontrak perjanjian sama ada mematuhi piawaian syarak atau tidak.

Marilah kita berdoa kepada Allah dalam bulan yang penuh dengan keberkatan ini supaya kita dapat melipatgandakan ibadah dan amalan kebaikan dan menghindarkan diri kita daripada maksiat dan perkara mungkar yang boleh mengundang kemurkaan Allah kepada kita semua.

Disediakan oleh,

Jabatan Mufti Negeri Perak

7 Ramadhan 1442H / 19 April 2021M